

07 JUL 1999

LUCENT-MSC

LUCENT TECHNOLOGIES ULANGI KOMITMEN TERHADAP MSC

PUTRAJAYA, 7 Julai (Bernama) -- Lucent Technologies telah mengulangi komitmennya terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan memperkembangkan lagi kedudukannya di Universiti Multimedia disamping menambah lagi sumber pembiayaan penyelidikan untuk membangunkan rangkaian senibina yang baru.

Komitmen ini telah disampaikan oleh Naib Presiden Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi Lucent Technologies Ben Verwaayan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan selama setengah jam di pejabat Perdana Menteri hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan dengan Dr Mahathir, Verwaayan berkata program-program syarikat itu di Universiti Multimedia amat berjaya dan ia akan berusaha untuk mendapatkan inisiatif terbaik untuk institusi itu.

Beliau berkata para profesor dari Bell Laboratories yang dihantar oleh Lucent Technologies untuk mengajar di universiti itu kini sedang bekerjasama dengan para pelajar membentuk pembelajaran yang berkaitan dengan rekacipta berkonsep dalam bidang komunikasi.

Sementara itu, Lucent Technologies akan berunding dengan syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia untuk memajukan satu konsep di mana, suara, data dan teknologi video sebagai saluran pengangkutan akan diperkembangkan lagi dalam berbagai bentuk aplikasi, tambah beliau.

"Ia akan dimajukan sendiri oleh syarikat dan juru teknik Malaysia,".

"Kami, sesungguhnya percaya apa yang berlaku di MSC sekarang ini amat penting kepada Malaysia, seluruh dunia dan Lucent Technologies," tegas beliau.

-- BERNAMA

AD AA MA